

# **HASIL *DALALAH* DAN HUKUM DARIPADA PERBUATAN NABI SAW BARING DI ATAS RUSUK KANAN SELEPAS SOLAT SUNAT SUBUH**

Mohd Syarifuddin Bin Jamaludin<sup>i</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Emel: [syarifuddin.jamaluddin@usas.edu.my](mailto:syarifuddin.jamaluddin@usas.edu.my)

## **ABSTRAK**

Perbuatan Nabi SAW yang terbit daripadanya terbahagi kepada beberapa jenis, sama ada perbuatan tersebut perbuatan yang *al-Syar'ie* iaitu terbit daripada sifatnya sebagai Nabi, atau perbuatan yang *al-Jibilli* iaitu terbit berdasarkan kepada tabiat kemanusiaan, atau perbuatan yang samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* atau perbuatan yang terbit khusus bagi Nabi SAW. Jenis-jenis perbuatan tersebut menghasilkan hukum-hukum yang terbina bagi umat Islam. Objektif kajian ini bertujuan mengkaji *dalalah* dan hukum yang terbina daripada hadis mengenai perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dan menghimpunkan maklumat daripada kitab-kitab hadith, kitab-kitab *fiqh* dan kitab-kitab *usul fiqh* daripada pelbagai mazhab. Hasil kajian mendapati bahawa Ulama berselisih pendapat di dalam hukum bagi perbuatan baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh kerana perbezaan kefahaman *dalalah* perbuatan tersebut yang dilakukan oleh Nabi SAW. Kajian turut menghasilkan bahawa hukum yang menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah wajib dan *bid'ah* adalah pandangan yang lemah. Manakala pandangan yang *mu'tabar* di dalam masalah ini adalah di antara hukum sunat dan harus. Kajian ini memberi sumbangan terhadap memahami *dalalah* perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh, memahami punca perbezaan pendapat Ulama mengenai hukum perbuatan tersebut bagi umat Islam dan merungkai pandangan *syaz* yang terbina di dalam permasalahan ini.

**Kata-kata kunci:** baring, *dalalah*, Nabi, perbuatan, subuh, sunat.

## **PENGENALAN**

Perbuatan Nabi SAW menjadi ikutan bagi umatnya kerana kesempurnaan yang dikurniakan oleh Allah kepadanya menzahirkan keindahan dan kemaksuman perbuatan Nabi SAW. Perbuatan dan akhlak Nabi SAW telah disanjung sebagai mana di dalam firman Allah:

(وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ)

**Maksudnya:** “Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”

(Surah al-Qalam, 68:4)

Begitu juga perbuatan dan akhlak Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam musnadnya:

عَنِ الْحَسَنِ قَالَ: سُئِلَتْ عَائِشَةُ عَنْ خُلُقِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ؟ فَقَالَتْ: ((كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ))

**Maksudnya:** Daripada Hasan berkata: Aisyah R.A. telah ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW? Dan Aisyah R.A. menjawab bahawa: “Akhlak Baginda adalah al-Quran)”.

(Riwayat Ahmad: No. 25813)

Namun bukanlah semua perbuatan yang dilakukan oleh Nabi SAW dibenarkan bagi umatnya untuk mengikuti. Begitu juga bukanlah semua perbuatan Baginda dihukumkan sunat untuk umatnya turut melakukan. Perbuatan Nabi SAW merangkumi jenis-jenis yang diklafikasikan oleh Ulama *Usul Fiqh* dan menghasilkan hukum-hukum tertentu berdasarkan jenis-jenis tersebut. Hasil daripada hadis yang diriwayatkan, hasil *dalalah* perbuatan tersebut dan hasil pembahagian jenis perbuatan Nabi SAW telah menghasilkan hukum-hukum yang berbeza disisi Ulama *Fiqh*.

Kertas kerja ini akan membincangkan *dalalah* perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh dan hukum-hukum yang terbina daripada perbuatan tersebut.

HADITH NABI SAW BARING DI ATAS RUSUK KANAN SELEPAS SOLAT SUNAT SUBUH dan hikmah dariPADA perbuatan tersebut

Hadith mengenai perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan telah diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadis melalui jalur daripada dua orang sahabat Nabi SAW iaitu ‘Aisyah R.A dan Abu Hurairah R.A. Hadith-hadith tersebut mempunyai perbezaan di dalam bentuk lafaz sama seperti lafaz hadith yang menerangkan mengenai perbuatan Baginda atau hadith yang diriwayatkan secara percakapan daripada Baginda. Hadith-hadith tersebut juga memiliki perbezaan juga pengkhususan ciri-ciri tertentu seperti pengkhususan waktu baring dan tempat baring. Hadith-hadith tersebut dapat dibahagikan kepada enam bentuk. Berikut merupakan enam bentuk tersebut:

- 1- Hadith yang diriwayatkan dengan penerangan perbuatan Baginda baring dan diterangkan waktu bagi perbuatan tersebut selepas solat sunat subuh:

عن عائشة رضي الله عنها، قالت: ((كان النبي صلى الله عليه وسلم يصلي من الليل إحدى عشرة ركعة، فإذا طلع الفجر صلى ركعتين خفيفتين، ثم اضطجع على شقه الأيمن، حتى يجيء المؤذن فيؤذنه)).

**Maksudnya:** Daripada ‘Aisyah R.A berkata: “Nabi SAW mendirikan solat malam sebanyak sebelas rakaat, apabila terbitnya fajar Baginda melakukan solat sunat dua rakaat ringkas, kemudian Baginda berbaring di atas rusuk kanan Baginda, sehingga datang *al-Muazzin* untuk iqamah)”.

(Riwayat al-Bukhari: No.626,994,1123,1161,1168&6310, Riwayat al-Nasaie: No.1460, Riwayat Ibn Majah: No. 1198&1199 dan Riwayat Ahmad: No 24057&24217)

- 2- Hadith yang diriwayatkan dengan penerangan perbuatan Baginda baring, penerangan waktu bagi perbuatan tersebut selepas solat sunat subuh dan penerangan bahawa Baginda tidak berterusan melakukan perbuatan tersebut:

عن عائشة رضي الله عنها، قالت: ((كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا صلى ركعتي الفجر، فإن كنت مستيقظة حدثني، وإلا اضطجع)).

**Maksudnya:** Daripada ‘Aisyah R.A berkata: “Apabila Nabi SAW selesai mendirikan solat sunat dua rakaat subuh, sekiranya aku berjaga maka Baginda akan bercakap dengan ku dan sekiranya aku tidak berjaga maka Baginda akan berbaring”.

(Riwayat Muslim: No.743 dan Riwayat Abu Daud: No.1262)

- 3- Hadith yang diriwayatkan dengan penerangan perbuatan Baginda baring dan penerangan waktu bagi perbuatan tersebut ialah selepas solat sunat witir:

عن عائشة رضي الله عنها، قالت: ((أن رسول الله صلى الله عليه وسلم، كان يصلي بالليل إحدى عشرة ركعة، يوتر منها بواحدة، فإذا فرغ منها اضطجع على شقه الأيمن، حتى يأتيه المؤذن فيصلي ركعتين خفيفتين)).

**Maksudnya:** Daripada ‘Aisyah R.A berkata: “Nabi SAW mendirikan solat malam sebanyak 11 rakaat, dan mendirikan 1 rakaat daripadanya di dalam satu rakaat. Setelah selesai daripadanya, maka Baginda akan baring di atas rusuk kanan sehingga dilaungkan azan. Maka Baginda akan mendirikan solat sunat subuh yang ringkas”.

(Riwayat Muslim: No.736)

- 4- Hadith yang diriwayatkan dengan penerangan perbuatan Baginda baring, penerangan waktu bagi perbuatan tersebut selepas solat sunat subuh dan penerangan tempat Baginda baring iaitu di rumahnya:

عن عائشة رضي الله عنها، قالت: ((كان رسول الله ﷺ إذا قضى صلاته من آخر الليل نظر: فإن كنت مستيقظة حدثني، وإن كنت نائمة أيقظني، وصلى الركعتين، ثم اضطجع حتى يأتيه المؤذن فيؤذنه بصلاة الصبح، فيصلي ركعتين خفيفتين، ثم يخرج إلى الصلاة)).

**Maksudnya:** Daripada ‘Aisyah R.A berkata: “Setelah Nabi SAW selesai mendirikan solat sunat pada penghujung malam, Baginda akan melihat keadaanku, sekiranya aku berjaga maka Baginda akan bercakap dengan ku dan sekiranya aku tidur maka Baginda akan mengejutku daripada tidur. Kemudian Baginda akan baring sehingga azan dilaungkan, dan Baginda akan melakukan solat sunat dua rakaat ringkas. Kemudian Baginda akan keluar dari rumah untuk solat subuh di masjid”.

(Riwayat Abu Daud: No.1263 dan Riwayat al-Nasaie: No.417)

- 5- Hadith yang diriwayatkan dengan percakapan Baginda mengenai perbuatan baring selepas daripada solat sunat subuh ialah:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((إذا صلى أحدكم الركعتين قبل صلاة الصبح، فليضطجع على جنبه الأيمن)).

**Maksudnya:** Daripada Abu Hurairah R.A berkata: Nabi SAW telah bersabda: “ Apabila kamu telah menunaikan solat sunat dua rakaat sebelum subuh, maka baringlah di atas rusuk kanan”.

(Riwayat al-Tirmizi: No.420 dan Riwayat Ahmad: No.9368)

- 6- Hadith yang diriwayatkan dengan percakapan Baginda mengenai perbuatan baring selepas solat sunat subuh akan tetapi terdapat perselisihan sahabat mengenai adakah amalan lain boleh menggantikan tempat bagi perbuatan baring, hadith tersebut ialah:

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((إذا صلى أحدكم الركعتين قبل الصبح، فليضطجع على يمينه))، فقال له مروان بن الحكم: أما يجزئ أحدنا مشاه إلى المسجد حتى يضطجع على يمينه، قال عبید الله في حديثه: قال: لا، قال: فبلغ ذلك ابن عمر، فقال: أكثر أبو هريرة على نفسه، قال: فقيل لابن عمر: هل تنكر شيئاً مما يقول؟ قال: (لا، ولكنه اجتراً وجبنا)، قال: فبلغ ذلك أبا هريرة، قال: (فما ذنبي إن كنت حفظت ونسوا).

**Maksudnya:** Daripada Abu Hurairah R.A. berkata: Nabi SAW telah bersabda: “Apabila kamu telah menunaikan solat sunat dua rakaat sebelum subuh, maka baringlah di atas rusuk kanan”. Marwan bin al-Hakam bertanya kepada Abu Hurairah: Adakah berjalan menuju ke masjid dapat menggantikan perbuatan baring di atas rusuk kanan? Ubaidillah berkata bahawa Abu Hurairah menjawab: Tidak. Abu Salih berkata: Jawapan Abu Hurairah telah sampai kepada Ibn Umar. Dan Ibn Umar berkata: Abu Hurairah banyak meriwayatkan hadith yang memberikan mudarat kepadanya. Ibn Umar ditanya: Adakah kamu mengingkari sesuatu yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah? Ibn Umar menjawab: Tidak, akan tetapi aku mengingkari banyaknya riwayatnya dan risau dia akan tergolong dalam mereka yang

dijanjikan. Abu Salih berkata: Telah sampai perkara tersebut kepada Abu Hurairah, dan Abu Hurairah berkata: Apakah dosaku sekiranya aku menghafal hadith dan lupa.

(Riwayat Abu Daud: No.1261)

Pengumpulan Hadith yang berkaitan dengan perbuatan Baginda Nabi Saw baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh dapat dikumpulkan secara ringkas di dalam jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Hadith Nabi Saw Baring Di Atas Rusuk Kanan Selepas Solat Sunat Subuh**

| Hadith            | Sumber                                                                                                                                                                          | Ciri-Ciri                                                                                                                                                                                                             |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 'Aisyah R.A.      | - Sahih Bukhari, Hadith: 626, 994, 1123, 1161, 1168& 6310<br>- Al-Sunan al-Kubra, Hadith: 1460<br>- Sunan Ibn Majah, Hadith: 1198& 1199<br>- Musnad Ahmad, Hadith: 24057& 24217 | - Sunnah <i>Fi'liyyah</i><br>- Diterangkan waktu bagi perbuatan iaitu selepas solat sunat subuh                                                                                                                       |
| 'Aisyah R.A.      | - Sahih Muslim, Hadith: 743<br>- Sunan Abu Daud, Hadith: 1262                                                                                                                   | - Sunnah <i>Fi'liyyah</i><br>- Diterangkan waktu bagi perbuatan iaitu selepas solat sunat subuh<br>- Diterangkan bahawa Baginda tidak berterusan melakukan perbuatan tersebut                                         |
| 'Aisyah R.A.      | - Sahih Muslim, Hadith: 736                                                                                                                                                     | - Sunnah <i>Fi'liyyah</i><br>- Diterangkan waktu bagi perbuatan tersebut selepas solat sunat witir                                                                                                                    |
| 'Aisyah R.A.      | - Sunan Abu Daud, Hadith: 1263<br>- Al-Sunan al-Kubra, Hadith: 417                                                                                                              | - Sunnah <i>Fi'liyyah</i><br>- Diterangkan waktu bagi perbuatan iaitu selepas solat sunat subuh<br>- Diterangkan tempat Baginda baring iaitu di rumahnya                                                              |
| Abu Hurairah R.A. | - Al-Jami' al-Tirmizi, Hadith: 420<br>- Musnad Ahmad, Hadith: 9368                                                                                                              | - Sunnah <i>Qauliyyah</i><br>- Perintah untuk melakukan perbuatan tersebut selepas solat sunat subuh                                                                                                                  |
| Abu Hurairah R.A. | - Sunan Abi Daud, Hadith: 1261                                                                                                                                                  | - Sunnah <i>Qauliyyah</i><br>- Perintah untuk melakukan perbuatan tersebut selepas solat sunat subuh<br>- terdapat perselisihan sahabat mengenai adakah amalan lain boleh menggantikan tempat bagi perbuatan tersebut |

Pengumpulan hadith-hadith ini dapat menghasilkan bahawa hadith-hadith tersebut diriwayatkan oleh 'Aisyah R.A. dan Abu Hurairah R.A. dan bentuk hadith-hadith tersebut sama

ada melalui perbuatan Baginda atau percakapan Baginda berbentuk arahan. Manakala waktu perbuatan tersebut terdapat dua waktu iaitu sama ada selepas solat sunat subuh dan selepas solat sunat witir sebelum solat sunat subuh. Adapun tempat pelaksanaan perbuatan tersebut berlaku di rumah Baginda. Begitu juga terdapat satu riwayat yang berselisih mengenai mengantikan amalan lain bagi perbuatan tersebut. Perbezaan ciri-ciri riwayat ini, menghasilkan perbezaan hukum yang terhasil bagi perbuatan tersebut bagi umat Baginda.

Di dalam Fathul Bari telah menyatakan di antara hikmah perbuatan Baginda SAW berbaring di atas rusuk kanan untuk memberi rehat tubuh badan dan menaikkan kesungguhan solat subuh. Pemilihan Baginda baring di atas rusuk kanan dan bukannya rusuk kiri oleh kerana jantung berada di belah kiri dada manusia, baringan di atas rusuk kiri akan memberikan keselesaan yang menyebabkan mengantuk dan tidur. Berbeza dengan baringan di atas rusuk kanan yang menyebabkan jantung tergantung, maka tidak menyebabkan mengantuk (al-Asqalani, 2013). Namun perkara ini telah dikritik di dalam Umdatul Qari dan Irsyadul Sari, kerana sifat mengantuk tidak layak bagi Baginda dan sifat tersebut menjatuhkan kemuliaan dan kesempurnaannya, maka pilihan Baginda berbaring di atas rusuk kanan kerana sikap Baginda yang suka memilih kanan. Adapun hikmah yang disebutkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani sesuai bagi manusia selain daripada Baginda (al-Aini, t.t.; al-Qastalani, 1906).

### **PEMBAHAGIAN JENIS-JENIS PERBUATAN NABI SAW DAN *dalalah* YANG TERHASIL DARIPADA PEMBAHAGIAN TERSEBUT**

Ulama *Usul Fiqh* telah membahaskan perbuatan Nabi SAW di dalam kitab *usul fiqh*, khususnya di perbincangkan *al-Sunnah* dan mereka telah membahagikan jenis-jenis perbuatan Baginda kepada beberapa pembahagian. Ulama *Usul Fiqh* turut berbeza pendirian di dalam menentukan *dalalah* yang terhasil daripada pembahagian tersebut.

Perbuatan Baginda terbahagi kepada empat jenis iaitu perbuatan yang *al-Syar'ie* atau perbuatan yang *al-Jibilli* atau perbuatan yang samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* atau perbuatan yang khusus bagi Nabi SAW sebagaimana di dalam Ghayatul Wusul (al-Ansari, 2017).

Perbuatan pertama iaitu perbuatan Baginda *al-Syar'ie* ialah perbuatan yang terbit daripada Baginda diatas sifatnya sebagai Nabi bagi menerangkan dan menyampaikan hukum. Contohnya, perbuatan Rasulullah yang menerangkan cara pelaksanaan ibadah.

Perbuatan kedua iaitu perbuatan Baginda *al-Jibilli* ialah perbuatan yang terbit daripada Baginda berdasarkan kepada tabiat kemanusiaan. Contoh perbuatan tersebut ialah cara Baginda berdiri, cara Baginda duduk, cara Baginda makan, cara Baginda minum dan lain-lain. Perbuatan ini terbit berdasarkan kepada tabiat kemanusiaan yang boleh terbit juga daripada manusia-manusia lain selain daripada Baginda. Penentuan jenis perbuatan ini hanyalah daripada sudut pandang zahir di sisi *fuqaha* dan *usuliyyun*, dan mereka turut menyatakan bahawa mengikut semua perbuatan Baginda daripada pelbagai sudut adalah ibadah sebagai mana dinyatakan di dalam Hayiah al-'Attar ke atas al-Mahalli (al-'Attar, t.t.).

Perbuatan ketiga iaitu perbuatan samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* ialah perbuatan yang terbit daripada Baginda berdasarkan tabiat kemanusiaan, akan tetapi ianya terikat dengan ibadah. Contoh perbuatan tersebut ialah Baginda menunaikan Haji dalam keadaan Baginda menaiki tunggangan dan bukannya berjalan kaki. Begitu juga jalan yang digunakan oleh Baginda ketika mana pergi untuk menunaikan solat hari raya berbeza dengan jalan yang digunakan oleh Baginda apabila pulang ke rumah setelah selesai menunaikan solat hari raya. Perbuatan manaiki tunggangan dan penggunaan jalan yang berbeza dapat dilihat daripada sudut perbuatan yang terbit berdasarkan tabiat kemanusiaan. Perbuatan tersebut juga dapat dilihat daripada sudut perbuatan yang terbit bagi menerangkan syariat iaitu cara perlaksanaan ibadah haji dan solat sunat hari raya.

Perbuatan yang keempat iaitu perbuatan khusus bagi Nabi SAW ialah perbuatan yang hanya khusus bagi Baginda tanpa melibatkan manusia-manusia yang lain di dalam mengikuti perbuatan tersebut. Contoh perbuatan tersebut ialah perbuatan Baginda kahwin melebihi empat isteri di dalam satu masa. Perbuatan tersebut hanya dibenarkan dan dikhususkan bagi pihak Baginda dan diharamkan bagi umatnya untuk memiliki lebih daripada empat isteri di dalam satu masa.

Perbuatan Baginda yang *al-Syar'ie* , *al-Jibilli* dan samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* menjadi *dalil* bagi umatnya kerana Baginda diutuskan untuk menerangkan *al-syar'iiyyat*. Adapun perbuatan yang khusus bagi Baginda tidak menjadi *dalil* dan ikutan bagi umatnya.

Perbuatan Baginda yang *al-Syar'ie* membawa *dalalah* perbuatan tersebut, mengikut penerangan yang disampaikan oleh Baginda (al-Ansari, 2017). Seperti perbuatan Baginda mendirikan solat fardu lima waktu yang membawa *dalalah* kepada kewajiban mendirikan solat fardu lima waktu bagi umatnya.

Adapun perbuatan Baginda yang *al-Jibilli* membawa *dalalah* perbuatan tersebut, sama ada ianya dihukumkan harus ataupun sunat untuk diikuti oleh umatnya. Ulama *Usul Fiqh* yang berpendapat bahawa perbuatan tersebut dihukumkan harus untuk diikuti oleh umatnya ialah al-Ansari, al-Sam'ani dan al-Aamidi (al-Ansari, 2017; al-Sam'ani, 2011; al-Aamidi, t.t.). Manakala Ulama *Usul Fiqh* yang berpendapat bahawa perbuatan tersebut dihukumkan sunat untuk diikuti oleh umatnya ialah al-Zarkasyi, al-Mahalli dan dikuatkan oleh al-Syairazi dengan pernyataan bahawa pandangan ini yang dipegang oleh kebanyakan *al-Muhaddithin* ( al-Qarafi, 1973; al-Mahalli, 2018; al-Syairazi, 2015). Pandangan ini merupakan pandangan Mazhab Syafie bahawa perbuatan Baginda yang *al-Jibilli* adalah sunat untuk diikuti (Amjad Rasyid, 2020).

Manakala Perbuatan Baginda yang samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* turut membawa *dalalah* perbuatan tersebut, sama ada ianya dihukumkan sunat ataupun harus ataupun wajib untuk diikuti oleh umatnya. Ulama *Usul Fiqh* yang berpendapat bahawa perbuatan tersebut dihukumkan sunat ialah al-Ansari dan al-Juwaini (al-Ansari, 2017; al-Juwaini, 1997), Ulama *Usul Fiqh* yang berpendapat bahawa perbuatan tersebut dihukumkan harus ialah ulama Mazhab Maliki dan Ulama *Usul Fiqh* yang berpendapat bahawa perbuatan tersebut dihukumkan wajib ialah Ibnu Suraij, al-Istakhriy, Ibn Khairan, salah satu riwayat Mazhab Hambali dan salah satu riwayat Mazhab Maliki (al-Subki, 2011; al-Asfihani, 2017; al-Isnawi, 1999).

Jadual 2: *Dalalah* Perbuatan Nabi

| SAW                                                          |                                                                     |                                                                                        |
|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Jenis Perbuatan</i>                                       | <i>Dalalah</i>                                                      | Ulama Berpendirian Sedemikian                                                          |
| <i>Al-Syar'ie</i>                                            | Mengikut apa yang disampaikan oleh Baginda                          | Semua ulama bersepakat                                                                 |
| <i>Al-Jibilli</i>                                            | Harus bagi umatnya untuk mengikuti                                  | Al-Ansari, al-Sam'ani dan al-Aamidi                                                    |
| <i>Al-Jibilli</i>                                            | Sunat bagi umatnya untuk mengikuti                                  | Al-Zarkasyi, al-Mahalli, al-Syairazi dan kebanyakan <i>al-Muhaddithin</i>              |
| Samar-samar diantara <i>al-Jibilli</i> dan <i>al-Syar'ie</i> | Sunat                                                               | Al-Ansari dan al-Juwaini                                                               |
| Samar-samar diantara <i>al-Jibilli</i> dan <i>al-Syar'ie</i> | Harus                                                               | Ulama Mazhab Maliki                                                                    |
| Samar-samar diantara <i>al-Jibilli</i> dan <i>al-Syar'ie</i> | Wajib                                                               | Ibnu Suraij, al-Istakhriy, Ibn Khairan, Hanabilah dan salah satu riwayat Mazhab Maliki |
| Khusus bagi Baginda                                          | Hanya khusus bagi Baginda dan dilarang bagi umatnya untuk mengikuti | Semua ulama bersepakat                                                                 |

## **HUKUM YANG TERHASIL DARIPADA PERBUATAN NABI SAW BARING DI ATAS RUSUK KANAN SELEPAS SOLAT SUNAT SUBUH YANG JUGA TERKESAN DARIPADA PENENTUAN JENIS PERBUATAN BAGINDA DAN *DALALAH* PADANYA**

Perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh boleh diklafikasikan bagi keempat-empat jenis pembahagian tersebut iaitu di antara perbuatan yang *al-Syar'ie* atau perbuatan yang *al-Jibilli* atau perbuatan yang samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* atau perbuatan yang khusus bagi Nabi SAW. Penentuan perbuatan tersebut terhadap jenis perbuatan Nabi turut memberi kesan kepada perselisihan pendapat di dalam menentukan hukum perbuatan tersebut bagi umat Baginda.

Hukum yang terhasil daripada hadith perbuatan tersebut telah menghasilkan sebanyak sembilan pendapat ulama.

Pandangan pertama ialah perbuatan tersebut dihukumkan sunat bagi mereka yang bertahajud. Pandangan ini menjadikan syarat sunat bagi perbuatan tersebut ialah mereka yang bertahajud

kerana melihat kepada perbuatan Baginda selepas dari melakukan solat sunat malam. Pandangan ini dapat disokong dengan melihat kepada hikmah perbuatan tersebut iaitu memberi kecergasan apabila mendirikan solat fardu subuh. Pandangan ini merupakan pegangan Abu Musa al-Asyari, Anas Bin Malik, Abu Hurairah, Ibn Sirrin, Ibn Arabid an lain-lain (al-Asqalani, 2013; al-Saharanfuri, 2014).

Pandangan kedua ialah perbuatan tersebut dihukumkan sunat bagi mereka yang bertahajud dan mereka yang tidak bertahajud. Pandangan ini, tidak membezakan di antara mereka yang bertahajud dan mereka yang tidak bertahajud. Pandangan ini, dapat dilihat dengan keumuman yang terdapat di dalam hadith perintah Baginda untuk melakukan baring di atas rusuk kanan sebelum mendirikan solat fardu tanpa mengikatkan hadith tersebut bagi mereka yang bertahajud. Pandangan ini merupakan pegangan Mazhab Syafie dan Mazhab Hambali (al-Mubarakfuri, 2001; al-Iraqi, t.t.).

Pandangan ketiga ialah perbuatan tersebut dihukumkan sunat dan dilakukan perbuatan tersebut di rumah bukannya di masjid (al-Iraqi, t.t.). Perbuatan ini, melihat kepada perbuatan Baginda yang melakukannya di rumah sebelum Baginda keluar dari rumahnya untuk mendirikan solat subuh di masjid. Pandangan ini tidak menjadikan hukum sunat bagi mereka melakukannya di masjid.

Pandangan yang menyatakan sunat melihat daripada sudut kenyataan hadith bahawa Baginda tidak melakukan secara berterusan. Ada masa tertentu Baginda melakukannya, dan terdapat juga masa tertentu Baginda tidak melakukannya seperti perbuatan Baginda berbual dengan Aisyah R.A. yang merupakan isterinya. Sekiranya perbuatan tersebut adalah wajib, sudah pasti Baginda tidak akan meninggalkannya tanpa sebab yang munasabah. Perbuatan Baginda meninggalkan perbuatan tersebut menunjukkan bahawa perbuatan tersebut adalah sunat.

Majoriti ulama menyatakan bahawa sunat baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh, namun terdapat juga ulama seperti Sa'id bin Jubair yang berpendirian sunat baringan tersebut selepas daripada solat sunat witir berdasarkan riwayat yang menyatakan perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat witir dan ianya sebelum solat sunat subuh. Al-Nawawi berpendirian mengabungkan di antara riwayat, dengan menyatakan bahawa Baginda melakukan perbuatan tersebut pada kedua waktu tersebut dan perbuatan Baginda meninggalkan perbuatan tersebut pada masa tertentu bagi menunjukkan bahawa perkara tersebut bukannya wajib (al-Nawawi, 2017). Mengamalkan dua riwayat yang zahirnya bercanggah lebih utama berbanding membatalkan satu riwayat.

Pandangan keempat ialah perbuatan tersebut dihukumkan harus. Antara dalil yang menunjukkan perbuatan ini dihukumkan harus ialah Baginda melakukannya tidak secara berterusan. Namun di sisi Ulama *Usul Fiqh* yang lain, ianya tidak menafikan perbuatan tersebut adalah sunat, kerana walaupun perbuatan tersebut tidak dilakukan secara berterusan ianya masih kekal sunat sebagaimana perkara-perkara sunat lain yang tidak Baginda lakukannya secara berterusan (al-Iraqi, t.t.). Begitu juga perbuatan Nabi SAW melakukannya, boleh difahami ianya membawa *dalalah* harus untuk dilakukan oleh umatnya sebagaimana di sisi sebahagian *Ulama Usul*.

Pandangan kelima ialah perbuatan tersebut dihukumkan wajib dan merupakan syarat sah solat (al-Saharanfuri, 2014) . Perbuatan ini, melihat kepada arahan Baginda untuk melakukan perbuatan tersebut sebelum mendirikan solat. Pandangan ini, menjadikan arahan

daripada Baginda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah membawa *dalalah* kewajiban mentaatkannya. Pandangan ini juga boleh dikuatkan dengan *dalalah* di sisi sebahagian *Ulama Usul* yang menyatakan wajib bagi diikuti oleh umatnya. Pandangan ini merupakan pandangan Ibn Hazm dan al-Syaukani. Pandangan ini telah dikritik oleh para ulama seperti al-Hafiz al-Iraqi, bahkan pendirian ini tidak disebutkan oleh ulama sebelum Ibn Hazm dan Baginda turut tidak melakukannya secara berterusan (Amjad Rasyid, 2020).

Pandangan keenam ialah perbuatan tersebut dihukumkan bid'ah. Perbuatan ini telah dihukumkan bid'ah oleh Ibn Umar dan Imam Malik (al-Saharinfuri, 2014; al-Nawawi, 2003).

Pandangan ketujuh ialah perbuatan tersebut dihukumkan makruh. Pandangan ini dipegang oleh Ibn Mas'ud, Ibrahim al-Nakhaie, al-Aswad bin Zaid, Sa'id bin al-Musayyib dan Sa'id bin Jubair (al-Aini, t.t.).

Penafian hukum sunat perbuatan tersebut oleh Ibn Mas'ud, Ibrahim al-Nakhaie dan lain-lain boleh ditakwilkan dengan kemungkinan bahawa hadith arahan Baginda bagi melakukan perbuatan tersebut tidak sampai kepada mereka (al-Asqalani, 2013; al-Qastalani, 1999). Penafian tersebut juga boleh ditakwilkan dengan bahawa pengingkaran tersebut adalah pengingkaran bagi melakukannya di dalam masjid (al-Iraqi, t.t.). sebagai mana tegahan yang timbul daripada Ibn Umar, dan ianya tidak menafikan bahawa perbuatan tersebut kekal sunat walaupun dilakukan di rumah.

Pandangan kelapan ialah perbuatan tersebut dihukumkan khilaf aula. Pandangan ini dipegang oleh al-Hasan al-Basri dan Imam Ahmad seperti mana diriwayatkan di dalam Musannaf Abi Syaibah (al-Aini, t.t.; al-Sahanfuri, 2014; al-Mubarakfuri, 2001).

Pandangan kesembilan ialah perbuatan tersebut hanya untuk pemisah di antara solat sunat subuh dan solat fardu, sama ada melalui baring, berbual, jalan ke masjid atau perkara selain itu. Pandangan ini telah diisytarkan oleh al-Bukhari di dalam sahihnya dan merupakan salah satu riwayat daripada Imam Syafie (al-Aini, t.t.; al-Nawawi, 2003).

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Sebagai kesimpulan, kajian mendapati bahawa perbuatan Nabi SAW terbahagi kepada empat jenis iaitu perbuatan yang *al-Syar'ie*, perbuatan yang *al-Jibilli*, perbuatan yang samar-samar diantara *al-Jibilli* dan *al-Syar'ie* dan perbuatan yang khusus bagi Baginda. Perbuatan ini memiliki *dalalah* tersendiri yang merangkumi hukum-hukum yang tertentu bagi umat Baginda. Perbezaan penentuan hukum bagi *dalalah* tersebut memberi kesan perselisihan ulama di dalam menentukan hukum bagi sesuatu perbuatan.

Perbuatan Nabi SAW baring di atas rusuk kanan selepas solat sunat subuh boleh ditentukan mengikut keempat-empat jenis pembahagian tersebut. Hasil penentuan tersebut memberikan *dalalah* dan hukum yang tersendiri. Penentuan jenis perbuatan Baginda turut memberi kesan kepada perselisihan *Ulama Fiqh*. Terdapat sembilan hukum yang terhasil daripada perbuatan Baginda baring di atas rusuk kanannya selepas solat sunat subuh. Namun, pandangan yang muktabar ialah perbuatan tersebut sunat bagi umat Baginda untuk melakukannya. Adapun

pandangan yang mengatakan ianya adalah bid'ah, wajib, khilaf aula dan makruh merupakan pandangan yang lemah, dan bertentangan dengan perintah daripada Nabi SAW kepada umatnya untuk melakukannya. Pandangan yang mengatakan ianya adalah bid'ah, wajib, khilaf aula dan makruh turut boleh ditakwilkan seperti hanya sunat dilakukan di rumah dan boleh ditakwilkan dengan perkara lain.

Cadangan daripada kajian ini, agar sunnah perbuatan baring di atas rusuk kanan selepas solat dapat dihidupkan kerana ia merupakan di antara Sunnah yang jarang dilakukan dan ditinggalkan. Bahkan ia menjadi tumpuan dan pandangan yang pelik apabila terdapat manusia melakukannya, oleh kerana sunnah tersebut tidak diketahui secara menyeluruh dan diaamalkan oleh segelintir masyarakat.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim.

Al-Aamidi, Ali bin Abi Ali bin Muhammad. (t.t.). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut, Lubnan. al-Maktab al-Islami.

Al-Isnawi, Abd Al-Rahim bin al-Hassan bin Ali. (1999). *Nihayah al-Sul Syarh Minhaj al-Wusul*. Beirut, Lubnan. Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Asfihani, Mahmud bin Abd al-Rahman. (2017). *Syarh al-Minhaj li al-Baidawi fi ilm al-Usul*. Riyadh, Saudi. Maktabah al-Rusyd.

Al-Ansari, Zakaria bin Muhammad bin Ahmad. (2017). *Ghayatul Wusul*. Kuwait. Dar al-Diya'.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2001). *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min umuri Rasulillah SAW wa sunanih wa ayyamihi*, Damsyiq. Dar Tuq al-Najjah.

Abu Hasan, Muslim bin al-Hajaj. (1955). *Sahih Muslim*. Beirut, Lubnan. Dar Ihya' al-Turath.

Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdillah bin Yusuf. (1997). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Beirut, Lubnan. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'as (2000). *Sunan Abi Daud*, Beirut, Lubnan. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.

Rasyid, Dr Amjad Muhammad Ali. (2020). *Bughyatul Arib min Maani Nazm Nihayah al-Tadrib*. Amman, Jordan. Dar al-Fath.

Al-Subki, Ali bin Abd al-Kafi. (2011). *al-Ibhaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut, Lubnan. Dar Ibn Hazm.

Al-Sam'ani, Mansur bin Muhammad bin Abd al-Jabbar. (2011). *Al-Qawati' fi Usul al-Fiqh*. Amman, Jordan. Dar al-Farouq.

- Al-Saharanfuri, Ahmad bin Majid Ali bin Ahmad. (2014). *Bazlul Majhud fi Hal Sunan Abi Daud*. Beirut, Lubnan. Dar al-Basyair al-Islamiah.
- Al-Syairazi, Ibrahim bin Ali Yusuf. (2015). *al-Luma'*. Damsyiq. Dar Ibn Kasir.
- Abu Abdillah, Ahmad bin Hanbal al-Syaibani. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad*. Beirut, Lubnan. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Iraqi, Abd Al-Rahim bin al-Husain bin Abd al-Rahman. (t.t.) *Tarh al-Tasrib fi Syarh al-Taqrīb*. Kaherah, Mesir. Dar al-Misriah al-Qadimah.
- Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (2013). *Fathul Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut, Lubnan. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-'Attar, Hasan bin Muhammad bin Mahmud. (t.t.). *Hasyiah al-'Attar ala Jam'il Jawami'*. Beirut, Lubnan. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Abu Isa, Muhammad bin Isa. (2000). *al-Jami' al-Tirmizi*. Beirut, Lubnan. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Aini, Mahmud bin Ahmad bin Musa. (t.t.). *Umdatul Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut, Lubnan. Dar Ihya' al-Turath.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris bin Abd al-Rahman. (1973). *Syarah Tanqih al-Fusul*. Kaherah, Mesir. Syarikah al-Tiba'ah al-Fanniah al-Muttahidah.
- Al-Qastalani, Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakar. (1906). *Irsyadul Sari li Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah, Mesir. Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriah.
- Al-Mubarakfuri, Abd al-Rahman bin Abd al-Rahim. (2001). *Tuhfatul Ahwazi*. Kaherah, Mesir. Dar al-Hadith.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (2000). *Sunan Ibn Majah*. Beirut, Lubnan. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. (2018). *al-Badr al-Tali'syarh Jam'il Jawami'*. Beirut, Lubnan. Dar al-Nawadir.
- Al-Nasaie, Ahmad bin Syua'ib. (2001). *al-Sunan al-Kubra*. Beirut, Lubnan. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf bin Abi Zakaria. (2003). *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Riyadh, Saudi. Dar Alam al-Kutub.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf bin Abi Zakaria. (2016). *al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim*. Saudi. Dar al-Siddiq.